

SOALAN NO.: 195

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]**

**SOALAN :**

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan peranan pihak Kementerian bagi menambah baik imej berkaitan industri getah terutamanya di negara Eropah terutamanya melalui Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) yang mempunyai pejabatnya di benua tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menerusi Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) telah memainkan peranan yang aktif dalam menggalak dan menambah baik imej industri getah di peringkat domestik mahupun antarabangsa terutamanya dari sudut promosi bagi produk-produk getah. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah:

- i. Menjalankan promosi pemasaran bagi produk getah buatan Malaysia ke seluruh dunia termasuk benua Eropah dengan mengambil bahagian di pameran perdagangan utama pada setiap tahun seperti Medica, Automechanika Frankfurt dan A+A. Pameran ini dihadiri oleh ratusan ribu pelawat yang terdiri daripada para pengedar dan pengguna bagi produk-produk getah serta agensi Kerajaan. Menerusi penyertaan ini, syarikat-syarikat produk getah Malaysia dapat meluaskan jaringan perniagaan ke negara-negara Eropah;
- ii. Mengiklankan produk-produk getah berjenama dari Malaysia di dalam majalah, jurnal dan media atas talian yang berkaitan dengan perniagaan di negara-negara utama Eropah seperti Jerman dan Britain;
- iii. Menganjurkan misi dan lawatan kerja ke benua Eropah dari masa ke semasa. Pada awal tahun ini, satu lawatan kerja ke Jerman dan Belanda yang melibatkan penyertaan daripada pihak industri telah dianjurkan bagi menjalankan promosi pemasaran produk

getah Malaysia serta eksplorasi teknologi robotik dan automasi bagi pembangunan yang mapan kepada industri getah Malaysia; dan

- iv. MREPC juga dalam proses menubuhkan pejabat baru di Rotterdam, Belanda yang dijangka akan memulakan operasi pada hujung tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 196 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG  
[TEBRAU]**

**SOALAN :-**

**YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah statistik terkini jumlah rakyat (dan juga dalam peratusan peruntukan) sedang tinggal di perumahan awam Kerajaan Persekutuan seperti PPR, PPA1M, PR1MA, RMM, RM1RM, dan RUMAWIP.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat di bawah Jabatan Perumahan Negara, KPKT, sehingga Jun 2017 , statistik pengisian rumah yang telah diduduki di unit rumah PPR Disewa di seluruh Malaysia ialah 64,707 unit iaitu 86.85% manakala statistik pengisian unit rumah PPR Dimiliki adalah 5,931 unit iaitu 66.85%. Secara keseluruhannya, bagi pengisian PPR di seluruh negara adalah sebanyak 84.71% iaitu seramai 70,638 rakyat Malaysia.

Manakala bagi Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) di bawah Jabatan Perdana Menteri, sehingga 30 Jun 2017, sejumlah 126,105 unit rumah PPA1M melibatkan 333 projek telah diluluskan di seluruh negara. Daripada jumlah ini sejumlah 3,458 unit sudah siap untuk diduduki, dan bakinya sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) turut mensasarkan penyediaan sebanyak 80,000 unit RUMAWIP di

seluruh Wilayah Persekutuan. Setakat ini sebanyak sebelas (11) buah projek RUMAWIP **telah berjaya disiapkan** melibatkan sejumlah 4,603 unit unit di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 3,037 unit (66%) **telah berjaya dijual dan diduduki.**

Selain itu, bagi Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) di bawah Jabatan Perdana Menteri, sehingga kini sebanyak 8,475 unit kediaman PR1MA telah siap dibina iaitu di Presint 11, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Ketil serta Sungai Petani 1 & 2 di Kedah, Alam Damai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Taman Nusantara dan Layangkasa di Johor dan Bagan Serai, Bandar Meru Raya, Kamunting dan Sungai Siput di Perak. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6,931 unit telah memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017